

# SSM ganti SSB mulai 1 Nov.

30 JUL 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL, ISMAIL DAUD dan HARULAZIM MAHMUD

**P**UTRAJAYA 29 Julai — Sistem Saraan Malaysia (SSM) akan dilaksanakan mulai 1 November ini menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) yang menyaksikan kemajuan kerjaya dan pergerakan gaji kini berlandaskan kepada kecekapan dan pengetahuan seseorang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, SSM akan memperkenalkan kaedah atau penilaian tahap kecekapan melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan kepada semua 960,000 kakitangan awam.

Tegasnya, prestasi kerjaya kini tidak lagi bergantung semata-mata kepada laporan prestasi tahunan ketua jabatan, yang menjadi faktor utama kajian semula SSB setelah kakitangan awam tidak berpuas hati dengan kaedah penilaian tersebut.

Serentak dengan pelaksanaan SSM ini, beliau berkata, semua jadual gaji kakitangan awam akan melibatkan tambahan satu mata gaji kepada mata gaji maksimum.

## ● Era baru nilai potensi kakitangan awam — Muka 11

Ini bermakna jadual gaji itu akan berubah dari mata gaji 1 hingga 26 sekarang kepada 1 hingga 27, sekali gus membuka peluang lebih luas kepada kenaikan pangkat.

Semua anggota perkhidmatan awam pula diberi peningkatan mata gaji meliputi Kumpulan Sokongan sebanyak RM15, Kumpulan Pengurusan & Profesional, RM65, dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, RM110.

Kakitangan awam akan diberikan opsi sama ada memilih SSM atau kekal di bawah SSB, dalam tempoh sebulan sebelum SSM dilaksanakan.

Perdana Menteri juga mengumumkan semua anggota perkhidmatan awam akan diberi Bayaran Khas SSM iaitu RM220 bagi Kumpulan Sokongan, RM350 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan RM650 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

"Bayaran ini diberikan sekali sahaja dan dibayar pada bulan November," kata Dr.

■ Lihat muka 4

## SSM ganti SSB mulai 1 Nov.

Mahathir yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita selepas menemui wakil-wakil Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di pejabat beliau di sini hari ini.

Bagi kira-kira 500,000 pesara kerajaan, mereka juga akan menikmati bayaran pencen selaras dengan pelaksanaan SSM.

"Untuk tahun 2003, semua anggota perkhidmatan awam akan hanya diberi Pergerakan Gaji Biasa sahaja. Anjakan Gaji berdasarkan Penilaian Tahunan, Kecekapan yang dihasilkan dalam tahun 2003 akan dilaksanakan mulai tahun 2004.

"Oleh itu, saya tidak fikir banyak kakitangan awam nak kekal dalam SSB kerana SSM adalah pilihan yang baik," katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam.

SSB yang diperkenalkan pada 1992 menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan kakitangan

awam berhubung sistem kenaikan gaji dan pangkat.

Mengikut sistem jadual matriks dalam SSB, hanya lima peratus anggota perkhidmatan awam yang kini berjumlah 960,000 orang layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

Cuepacs sebelum ini menuntut sistem matriks dihapuskan secara automatik atas alasan 96 peratus kakitangan awam amat kecewa dengan sistem itu.

Pertemuan antara Cuepacs dan JPA bagi merundingkan pelaksanaan SSM diadakan sebanyak lima kali, kali terakhir pada Mei lalu.

Berikut adalah antara butiran penting pelaksanaan SSM berdasarkan kenyataan akhbar yang diedarkan kepada media hari ini:

● Kerajaan bersetuju mengubahsuai Sistem Penilaian Prestasi. Untuk maksud mengawasi sistem penilaian ini, Panel Pembangunan Sumber Manusia ditubuhkan untuk setiap jabatan.

● Bagi memperbaiki kemajuan

kerjaya, lima lapisan gred kenaikan pangkat tambahan diwujudkan.

● Sesuai dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan, Jadual Gaji Matriks bagi semua gred kenaikan pangkat diubahsuai kepada dua peringkat sahaja.

● Semua anggota perkhidmatan awam akan diberi Bayaran Khas Sistem Saraan Malaysia iaitu Kumpulan Sokongan RM220, Kumpulan Pengurusan & Profesional RM350 dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi RM650.

● Kadar elaun dan kemudahan akan diselaraskan kepada satu kadar sahaja bagi setiap gelaran gred bat-u.

● Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritis akan dibayar kepada empat skim perkhidmatan baru iaitu Pegawai Pergigian, Penolong Jurutera Laut, Pegawai Farmasi dan Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera.

● Semua anggota tetap perkhidmatan awam akan diberi opsi.

Menurut Dr. Mahathir, beliau mengucapkan terima kasih kepada Cuepacs yang telah bekerjasama dengan JPA berhubung proses penyelesaian tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kesatuan sekerja itu sehingga merealisasikan SSM.

"Dulu, kita tidak buat rundingan dengan Cuepacs tetapi hari ini (pelaksanaan SSM) adalah hasil rundingan dengan Cuepacs.

"Walaupun mengambil masa sedikit dan panjang, ia lebih baik daripada kita bersengketa," katanya.

Beliau menambah, pelaksanaan SSM akan melibatkan tambahan perbelanjaan sebanyak RM302.58 bagi tahun ini, RM600.76 juta (2003), RM700.15 juta (2004), RM846.13 juta (2005) dan RM976.86 juta pada 2006.

Kata beliau, pelaksanaan SSM juga tiada kaitan dengan pilihan raya umum akan datang.